

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 10 November 2020 11:58 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: [NOTIS PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR] URUSAN KELUAR DAN MASUK PELAJAR SEDIA ADA DI KAMPUS DALAM TEMPOH PKPB
Attachments: NOTIS URUSAN KELUAR DAN MASUK PELAJAR SEDIA ADA DI KAMPUS.pdf



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 NOVEMBER 2020 / 24 RABIULAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:



**NOTIS PEJABAT
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**URUSAN KELUAR DAN MASUK PELAJAR SEDIA ADA DI KAMPUS DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kanan Pertahanan telah membuat pengumuman berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di seluruh negeri di Semenanjung kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan selama 4 minggu bermula **9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020**.

Universiti Utara Malaysia akur dengan arahan Kerajaan dalam mencegah dan mengawal penyakit berjangkit wabak COVID-19. Pihak universiti juga amat prihatin mengenai keselamatan para pelajar dan amat cakna dengan perkembangan semasa dalam negara pada masa kini termasuklah situasi semasa COVID-19 di Negeri Kedah.

Sebagai langkah pematuhan kepada PKPB tersebut, sebarang urusan pelajar untuk **keluar dan masuk kampus adalah tidak dibenarkan kecuali dengan KEBENARAN KHAS** daripada pihak Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)/ Dekan Hal Ehwal Pelajar/ Pengarah SAC sahaja. Sebarang urusan pelajar di pejabat-pejabat pentadbiran atau Pusat Pengajian pula perlulah mengikut Garis Panduan Pencegahan Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Semua pelajar diminta untuk mematuhi garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan.

Notis ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan arahan dan pekeliling yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan dan Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. HENDRIK LAMSALI
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Utara Malaysia
Tarikh: 09 November 2020

**GARIS PANDUAN
URUSAN KELUAR DAN MASUK PELAJAR SEDIA ADA DI KAMPUS DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

A. KELUAR DAN MASUK KAMPUS

1. Sebarang urusan pelajar untuk keluar dan masuk kampus adalah tidak dibenarkan kecuali dengan **KEBENARAN KHAS** daripada pihak **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)/ Dekan Hal Ehwal Pelajar** atau **Pengarah SAC** sahaja.
2. Borang keluar/masuk kampus boleh diperolehi di Kaunter SAC pada **hari dan waktu pejabat sahaja**.
3. Pelajar tidak dibenarkan ke tempat yang berisiko iaitu **Zon Merah** atau berjumpa dengan individu yang **BERGEJALA** atau **menjalani ujian swab**.
4. Waktu keluar dan masuk kampus dengan **KEBENARAN KHAS** adalah bermula **jam 9.00 pagi hingga 7.00 petang sahaja**.
5. Bagi pelajar di dalam kampus yang mempunyai suhu badan 37.5 atau lebih, **WAJIB** mendapatkan rawatan segera di **Pusat Kesihatan Universiti (PKU)**.
6. Pelajar perlu sentiasa memakai pelitup separuh muka, mengamalkan penjarakan fizikal di semua tempat dan kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer*.
7. Pelajar disarankan untuk mengamalkan **3W** (*Wash, Wear, Warn*) dan menghindari **3C** (*Crowded Places, Confined, Close Conversation*).

B. OPERASI BILIK GERAKAN BENCANA UUM

- Lokasi: Bilik Mesyuarat Pusat Penginapan Pelajar (SAC)
- Waktu Operasi: 8.00 pagi hingga 5.00 petang
- Hari Operasi: Setiap hari

C. TALIAN HOTLINE

- Bilik Gerakan Bencana UUM: 04-928 4177
- Pusat Kesihatan Universiti: 04-928 2525/4444
- Jabatan Keselamatan: 04-928 3333
- Kaunter Pusat Penginapan Pelajar (SAC): 04-928 4150

D. OPERASI KAFETARIA

Lokasi Kafetaria	Masa Operasi
➢ Inasis MAS ➢ Inasis TNB ➢ Inasis Tradewinds - Subaidah	8.00 pagi sehingga 10.00 malam
➢ Medan Selera Hijau Kuning ➢ Kafetaria Patriot (PALAPES) ➢ Kafetaria Atlit (Pusat Sukan) ➢ Kafetaria Siswa (Famila) ➢ Kafetaria Pusat Islam ➢ Kafetaria Santai (Varsity Mall)	8.00 pagi sehingga 5.00 petang

- Pembelian makanan adalah digalakan secara bawa pulang (*take away*) atau penghantaran (*delivery*) tertakluk kepada perkhidmatan kafetaria tersebut.
- *Dine-in* dibenarkan (**DIHADKAN 2 - 4 ORANG SATU MEJA DENGAN PENJARAKAN 1 METER ANTARA INDIVIDU**) dengan pematuhan kepada SOP Sektor Makanan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

E. OPERASI VARSITY MALL/KEDAI RUNCIT/PERKHIDMATAN LAIN

Waktu operasi: 9.00 pagi sehingga 5.00 petang

Lokasi:

- V-Mart
- Varsity Express Shop 24, Varsity Mall
- Richiamo Coffee, Varsity Mall
- Pizza Hut, Varsity Mall
- Photocopy/Printing Outlets
- Bank Islam
- Pos Laju
- Koperasi UUM
- Express Laundry (24 Jam)
- Grantt Workshop

F. OPERASI UUM PARCEL CENTRE (UPC)

Hari operasi: Isnin & Rabu

Waktu operasi: 9.00 pagi sehingga 4.30 petang

Nota: Sebarang pertanyaan bagi perkara D, E, dan F boleh hubungi SAC.

G. KENDERAAN TEKSI/E-HAILING/ BAS AWAM/ PENGHANTARAN MAKANAN DARI LUAR

Lokasi penghantaran adalah hanya di Pintu Utama Kampus sahaja.

H. AKTIVITI KAMPUS

Segala aktiviti kampus adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as

neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.